

PEJABAT BSKM, DIGITAL PERAK DAN MCMC TURUN PADANG MELAWAT KE TAPAK-TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI DI HUTAN MELINTANG

PEMBINAAN MENARA BAHARU DAN NAIKTARAF ALAT PEMANCAR TELEKOMUNIKASI ANTARA INISIATIF-INISIATIF PELAN JENDELA MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI DI NEGERI PERAK

HUTAN MELINTANG, SEPTEMBER 21, 2021 – Satu sesi taklimat telah disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak), Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan oleh Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Perak, Zairulnahr Bin Zakaria sewaktu lawatan ke tapak-tapak menara telekomunikasi di kawasan DUN Hutan Melintang, petang ini.

Tapak menara telekomunikasi yang terletak di Kampung Parit 4, Sungai Sumun adalah merupakan salah satu daripada 3 menara telekomunikasi yang telah dibina di bawah inisiatif pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Hutan Melintang.

Sebanyak 171 struktur telekomunikasi baharu akan dibina, 1,754 alat pemancar komunikasi akan dinaik taraf dan 252,475 premis akan disediakan capaian gentian optik talian tetap di bawah pelan JENDELA di Negeri Perak sehingga suku kedua 2021.

Pelan JENDELA dilaksanakan secara berfasa di mana Fasa 1 yang bermula pada September 2020 dan berakhir pada penghujung tahun 2022 akan memberi fokus kepada pemantapan infrastruktur digital dengan tumpuan diberikan kepada pembinaan tapak-tapak baharu, menaik taraf stesen-stesen pemancar sedia ada kepada teknologi 4G serta menyediakan capaian gentian optik di premis-premis di seluruh negara sebagai persediaan untuk negara beralih kepada teknologi 5G.

Semasa tinjauan ini juga, satu plak identifikasi struktur telekomunikasi ditempatkan di tapak struktur Sungai Sumun bagi memudahkan aktiviti-aktiviti pemantauan.

Hadir bersama-sama, wakil-wakil daripada pihak pemilik menara telekomunikasi serta penyedia perkhidmatan telco berkaitan, Edotco Malaysia Sdn. Bhd. dan Maxis Communications.

Sebuah jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Infrastruktur Telekomunikasi (JPIT) Perak yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak ditubuhkan bagi memastikan pembinaan infrastruktur digital dapat dimudahcara agar tempoh penyediaannya dapat dipercepatkan.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri komited dan akan memberi kerjasama penuh bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan aspirasi nasional ini dapat dicapai.

